

11/02/2003

Lima `03 akan jadi pameran terbaik

KUALA LUMPUR: Pameran Antarabangsa Maritim dan Udara Langkawi 2003 (Lima `03) pada 30 September hingga 3 Oktober depan akan menjadi pameran terbesar dan terbaik pernah diadakan sejak 1991.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak, berkata ini berdasarkan sambutan memberangsangkan daripada syarikat pengeluar peralatan pertahanan dan pesawat antarabangsa serta tempatan.

"Setakat ini, kira-kira 60 peratus daripada 22,000 meter persegi kawasan untuk pameran peralatan pesawat telah ditempah meliputi 17 pentas kebangsaan dan lapan pentas korporat," katanya pada sidang akhbar bagi mengumumkan tarikh baru Lima `03 di sini, semalam.

Lima `03 yang pada mulanya dijadualkan pada 2 hingga 6 Disember, diubah kepada 30 September hingga 3 Oktober kerana tarikh asal bertembung dengan Ramadan. Dua hari, iaitu pada 4 dan 5 Oktober pula akan menjadi cuti umum di Langkawi.

Pada majlis itu, Najib turut menyaksikan majlis menandatangani penempahan kawasan pameran Lima `03 oleh 11 syarikat swasta.

Hadir sama Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Shafie Apdal; Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Hashim Meon serta Pengerusi Eksekutif Le Proton LIMA Sdn Bhd, Datuk Mohd Radzi Manan.

Lima `03 juga akan menjadi pameran terakhir dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri.

Najib berkata, hampir 70 peratus daripada 10,800 meter persegi kawasan pameran untuk komponen maritim sudah ditempah meliputi 15 pentas kebangsaan, lapan pentas korporat serta dua chalet tetamu.

Selain itu, semua 15 chalet tetamu yang diperuntukkan telah ditempah manakala lebih 50 jenis pesawat tentera dan awam daripada pelbagai bentuk akan dipamerkan.

Najib yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Lima `03, berkata pameran kali ketujuh itu tidak akan terjejas walaupun berlaku serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq.

Beliau berkata, ini kerana pameran antarabangsa itu sudah terkenal di seluruh dunia dan mendapat sokongan banyak negara.